

EDISI JANUARI - FEBRUARI 2026

E-BULETIN



Majlis Perasmian Pentauliahnan Amil Zakat Fitrah Negeri Melaka
1447H/2026M Ms. 06

“KWSP ADA ZAKAT? – INI YANG PERLU ANDA TAHU”

Ms. 05

Imbas QR Code
Pembayaran
Zakat Harta



KUNJUNGAN HORMAT

Encik Zohaime bin Muhamad Sori, Ketua Pegawai Eksekutif Zakat Melaka telah mengadakan kunjungan hormat bersama YB Tuan Haji Rosli bin Abdullah, Timbalan Exco Pendidikan, Pengajian Tinggi dan Hal Ehwal Agama Negeri Melaka.



PELUNASAN ZAKAT WANG SIMPANAN



Zakat Melaka menerima kunjungan hormat Datuk Wira Hj. Md Rawi bin Mahmud ke Ibu Pejabat Zakat Melaka. Dalam kunjungan ini, beliau turut menyempurnakan pembayaran Zakat Wang Simpanan, yang telah diterima oleh Ketua Pegawai Eksekutif Zakat Melaka, Encik Zohaime bin Muhamad Sori.

KUNJUNGAN HORMAT

Kunjungan hormat Ketua Pegawai Eksekutif Zakat Melaka, Encik Zohaime bin Muhamad Sori ke Pejabat Exco di Seri Negeri Melaka bagi mengadakan pertemuan bersama YB Datuk Rahmad bin Mariman, Timbalan Pengerusi Zakat Melaka merangkap EXCO Pendidikan, Pengajian Tinggi dan Hal Ehwal Agama Negeri Melaka. Turut mengiringi dalam kunjungan ini ialah Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Zakat Melaka, Encik Zuhri Iskandar serta beberapa pegawai Zakat Melaka.



Ketua Pegawai Eksekutif Zakat Melaka, Encik Zohaime bin Muhamad Sori, telah mengadakan kunjungan hormat ke Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka (SUK) dan disambut oleh YB Dato' Azhar bin Haji Arshad, Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka.



Aktiviti Operasi Zakat Melaka

JANUARI - FEBRUARI 2026



Aktiviti Operasi Zakat Melaka

JANUARI - FEBRUARI 2026





Aktiviti Operasi Zakat Melaka

JANUARI - FEBRUARI 2026



“KWSP ADA ZAKAT? - INI YANG PERLU ANDA TAHU”

Zakat - Bersih Jiwa, Suci Harta

Allah SWT berfirman dalam al-Quran, yang bermaksud: “Ambilah (sebahagian) dari harta mereka menjadi sedekah (zakat), supaya dengannya engkau membersihkan mereka (dari dosa) dan mensucikan mereka (dari akhlak yang buruk); dan doakanlah untuk mereka, kerana sesungguhnya doamu itu menjadi ketenteraman bagi mereka. Dan (ingatlah) Allah Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui.” (Surah at-Taubah: 103)

Zakat merupakan salah satu rukun Islam yang wajib ditunaikan oleh setiap Muslim yang memenuhi syarat. Dalam kehidupan moden hari ini, simpanan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) menjadi antara bentuk harta utama bagi kebanyakan umat Islam, sama ada golongan muda yang baharu bekerja mahupun golongan berusia yang telah bersara. Justeru, persoalan Zakat KWSP wajar difahami dengan jelas agar kewajipan ini tidak terabai.

Zakat KWSP ialah zakat yang dikenakan ke atas simpanan wang persaraan yang dicarum melalui KWSP apabila ia memenuhi syarat-syarat wajib zakat. Simpanan ini pada hakikatnya adalah harta milik pencarum, walaupun ia hanya boleh dikeluarkan mengikut ketetapan yang telah ditentukan.

Secara umumnya, Zakat KWSP diwajibkan apabila pencarum menerima atau mengeluarkan wang simpanan tersebut dan jumlahnya mencukupi nisab. Antara situasi biasa yang melibatkan pengeluaran KWSP ialah, apabila pengeluaran apabila mencapai umur 55 atau 60 tahun, pengeluaran untuk tujuan perumahan, pendidikan atau kesihatan atau pengeluaran khas yang dibenarkan oleh pihak KWSP. Apabila wang tersebut telah berada dalam milikan penuh dan boleh digunakan, maka kewajipan zakat perlu ditunaikan mengikut kadar yang ditetapkan.

Kadar Zakat KWSP ialah 2.5% daripada jumlah wang yang dikeluarkan dan layak dizakatkan. Pembayaran zakat boleh dibuat sebaik sahaja wang diterima, tanpa perlu menunggu tempoh setahun, kerana ia dianggap sebagai harta simpanan yang telah matang. Zakat KWSP bukan sekadar kewajipan, malah membawa hikmah yang besar.

Dengan menunaikan zakat, harta yang diterima menjadi lebih berkat dan memberi manfaat bukan sahaja kepada diri sendiri, malah kepada golongan asnaf yang memerlukan. Rasulullah SAW bersabda: “Islam dibina atas lima perkara: bersaksi bahawa tiada Tuhan melainkan Allah SWT dan Muhammad itu utusan Allah SWT, mendirikan solat, menunaikan zakat, berpuasa di bulan Ramadan dan menunaikan haji bagi yang mampu.” (Riwayat al-Bukhari dan Muslim) Hadis ini menegaskan bahawa zakat adalah asas penting dalam kehidupan seorang Muslim dan tidak boleh dipandang ringan.

Hari ini, urusan pembayaran zakat KWSP menjadi lebih mudah dengan adanya pelbagai saluran pembayaran yang disediakan. Umat Islam digalakkan untuk mendapatkan maklumat yang tepat dan membuat kiraan zakat dengan betul agar kewajipan dapat dilaksanakan dengan sempurna. Zakat KWSP adalah tanggungjawab yang perlu diberi perhatian oleh setiap Muslim yang mempunyai simpanan persaraan. Sama ada kita masih bekerja atau telah bersara, menunaikan zakat adalah bukti ketaatan kepada perintah Allah SWT serta tanda keprihatinan terhadap kebajikan sesama umat Islam. Semoga dengan kefahaman yang jelas tentang Zakat KWSP, masyarakat Islam di Negeri Melaka dapat menunaikan kewajipan ini dengan penuh kesedaran dan keikhlasan, seterusnya memperoleh keberkatan dalam setiap rezeki yang diterima.

MAJLIS PERASMIAN

Pentauliahkan Amil Zakat Fitrah Negeri Melaka 1447H/2026M

Majlis Perasmian Pentauliahkan Amil Zakat Fitrah Negeri Melaka 1447H/2026M disempurnakan oleh YB Datuk Rahmad bin Mariman, EXCO Pendidikan, Pengajian Tinggi dan Hal Ehwal Agama merangkap Timbalan Pengerusi Majlis Agama Islam Melaka dan Zakat Melaka, hadir mewakili YAB Datuk Seri Utama Ab Rauf bin Yusoh, Ketua Menteri Melaka.



Majlis turut menyaksikan simbolik penyerahan Kupon Zakat Fitrah Tahun 1447H/2026M sebagai manifestasi komitmen berterusan dalam memastikan kelancaran dan keberkesanan pengurusan Zakat Fitrah di Negeri Melaka. Pada masa yang sama, majlis ini turut memberikan pengiktirafan rasmi kepada para Amil yang telah dilantik bagi memikul amanah menguruskan kutipan Zakat Fitrah di seluruh negeri.



ZAKAT HANYA 2.5%

"Tak Banyak, Tapi Besar Maknanya"

Lebih Selamat

Cepat & Mudah

Bila-Bila Masa

www.izakat.com
Imbas QR Code

ZAKAT MELAKA
MILIK PERUM
MAJLIS AGAMA ISLAM MELAKA (MAIM)

Zakat Melaka - Rasmi

Zakat Melaka

zakat.melaka

ZAKAT

Wang Simpanan

Soalan Lazim Zakat Wang Simpanan

S Soalan

Duit refund atau tuntutan insurans yang saya terima, adakah ia termasuk dalam harta yang wajib dizakatkan?

J Jawapan

Jika wang tersebut telah diterima sebagai milik penuh dan disimpan sehingga mencukupi nisab, maka ia wajib dizakatkan sebagai Zakat Wang Simpanan.

ZAKAT WANG SIMPANAN

Zakat Wang Simpanan dikenakan dengan kadar 2.5% dari baki terendah simpanan yang telah mencapai nisab haul setahun.

Wang simpanan ini meliputi simpanan bank, simpanan ASN, ASB + dividen, simpanan persendirian (rumah @ tabung serta lain-lain bentuk simpanan).

Tarikh Simpan	Tarikh Keluar	Masuk (RM)	Keluar (RM)	Baki (RM)
01/01/20XX		100,000.00		100,000.00
23/04/20XX		7,000.00 (Dividen)	5,000.00	102,000.00
30/05/20XX			5,000.00	97,000.00
10/07/20XX		2,000.00		99,000.00
12/08/20XX			5,000.00	94,000.00
11/11/20XX		2,000.00		96,000.00
31/12/20XX		2,000.00		98,000.00

ZAKAT WANG SIMPANAN TETAP

Tahun / Haul: 20XX
Amaun Nisab: XXXX

Maklumat KWSP
Jumlah Pengeluaran: RM 50,000.00
Jumlah Zakat KWSP: RM 1,250.00

Jumlah Layak Dizakatkan: RM 50,000.00
Jumlah Zakat 2.5% Setahun: RM 1,250.00

Imbas QR Code Pembayaran Zakat Harta

Imbas QR Code Pembayaran Zakat Harta

*Tertutik kepada akaun simpanan tetap seperti KWSP dan seumpamanya.

Imbas Untuk Membuat Pembayaran

= Baki Terendah (Setahun) x 2.5%
= RM94,000.00 x 2.5%
= RM2,350.00 (Jumlah Zakat Wajib Setahun)
= RM195.83 (Jumlah Zakat Wajib Sebulan)

Memberi itu ibadah, berkongsi itu keberkatan.

Bersama kita suburkan kasih, berkatati rezeki. ♥

Imbas Untuk Membuat Pembayaran

Jom Bayar Zakat Online

www.izakat.com

Cepat

Mudah

Sila Imbas Untuk Pembayaran Secara Online

Tunaikan Bayaran Zakat Harta

Langkah 1: Tambah Maklumat Zakat Ingin Dibayar

Langkah 2: Masukkan Maklumat Pembayar

Nama Penuh: _____
Kad Pengenalalan Baru: _____
No. Pengematan: _____
Alamat E-mel: _____
No. Telefon: _____

- Zakat Pendapatan
- Zakat Wang Simpanan
- Zakat KWSP
- Zakat Saham
- Zakat Emas / Perak
- Zakat Perniagaan
- Zakat Pertanian
- Zakat Ternakan

TALIAN ZAKAT MELAKA
1-300-88-0233
www.izakat.com

Salam Nifsu Syaaban

Malam rahmat untuk membersihkan hati dan jiwa.

إِنَّ اللَّهَ يَنْظِرُ فِي لَيْلَةِ النَّصْفِ مِنْ شَعْبَانَ
فَيَغْفِرُ لِجَمِيعِ خَلْقِهِ إِلَّا لِمُشْرِكٍ أَوْ مُشَاجِرٍ

"Sesungguhnya Allah SWT melihat pada malam nifsu Sya'ban kemudian mengampunkan semua makhluk-Nya kecuali orang yang syirik dan juga orang yang bermusuhan". [Riwayat Ibn Majah, no. Hadith 1380]

Titip Khidmat Daripada
ZAKAT MELAKA
AHIL LEMBAGA PENGARAH
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF ZAKAT MELAKA
DAN SELURUH WARGA KERJA ZAKAT MELAKA